



PETIKAN TITAH



Alhamdulillah, keramaian pelajar Negara Brunei Darussalam yang belajar di peringkat pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri termasuk Malaysia dan Singapura, adalah terus menunjukkan peningkatan yang baik.

Ini memberikan satu interpretasi yang positif dimana budaya belajar dan menuntut ilmu semakin menjadi pilihan. Inilah budaya yang akan kita pupuk dan kembangkan terus menerus tanpa titik noktahnya.

Kearah kesempurnaan budaya ini, Beta yakin para pelajar telah sedia memiliki iltizam, dedikasi dan tekad yang tinggi untuk mencapainya, terutama bagi para pelajar yang telah memilih untuk belajar di luar negara.

Beta ingin mengingatkan, dalam keghairahan budaya melayari Internet dan penggunaan pelbagai aplikasi teknologi maklumat, para pelajar hendaklah sentiasa waspada dan berhati-hati supaya tidak semudah mana mengongsikan maklumat peribadi kepada sebarang pihak, bagi mengelakkan terjebak kepada ancaman atau jenayah *cyber*.

Beta juga ingin mengingatkan kepada para pelajar, selaku duta kecil, supaya terus konsisten mengamalkan nilai-nilai Kebruneian yang dimiliki. Jadilah contoh yang baik dengan mengekalkan dan menonjolkan nilai-nilai yang terpuji orang-orang Brunei.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Malaysia dan Singapura
4 Ogos 2023



SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

KURSUS ASAS KAUNSELING – SESI KETIGA BAGI PEGAWAI/KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Safar 1445 / 2 September 2023 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengendalikan kursus tersebut bagi warga kerja Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya seramai empat puluh (40) orang pegawai dan kakitangan Divisyen II hingga IV, yang mana diadakan bertempat di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Khamis, 31 Ogos 2023 dan hari Sabtu 2 September pada jam 8:30 pagi hingga 4.30 petang.

Kursus ini telah disampaikan oleh Yang Mulia Cikgu Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor yang akan memberikan pengetahuan dan kemahiran asas kepada warga kerja Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengenai amalan terbaik dan kaedah yang betul dalam memberikan asas kaunseling dan komunikasi serta berfungsi sebagai seorang pembimbing yang berkesan kepada rakan sejawat yang memerlukan khidmat nasihat



MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI SUKAN (AMMS-7) KE-7



CHIANG MAI, THAILAND, Sabtu, 16 Safar 1445 / 2 September 2023 – Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Sukan (AMMS-7) pada 31 Ogos hingga 2 September 2023 di Chiang Mai, Thailand telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, bersama dengan menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab ke atas sukan dan wakil peringkat tinggi serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-Budaya (ASCC). Timor-Leste juga turut hadir sebagai pemerhati.

Mesyuarat (AMMS-7) yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Phiphat Ratchakitprakarn, Menteri Pelancongan dan Sukan, Thailand, menjadi platform bagi ASEAN dan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam bidang sukan untuk bertukar-tukar pandangan, membincangkan dasar dan mengukuhkan kerjasama dalam merealisasikan Komuniti ASEAN yang aktif.

Antara lain, Yang Berhormat Dato mengambil maklum usaha antara ASEAN dan Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA) untuk menggunakan sukan dan permainan tradisional dalam mempromosikan industri sukan di ASEAN. Kerjasama yang menggabungkan pertukaran budaya ini mempunyai nilai tambah ke arah memelihara, mempromosi dan menghidupkan semula sukan dan permainan tradisional, yang memainkan peranan penting ke arah memupuk hubungan, mempromosikan identiti budaya, dan memupuk semangat kemasyarakatan, perpaduan, dan keterangkuman di negara kita dan di rantau ini.



Mesyuarat diteruskan dengan mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN + Jepun Mengenai Sukan Keempat (AMMS-4 + Jepun) untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara ASEAN dan Jepun dalam bidang sukan. Mesyuarat itu dipengerusikan bersama oleh Menteri Pelancongan dan Sukan, Kerajaan Thailand dan Tuan Yang Terutama Encik Ide Yosei, Menteri Negeri, Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT), Jepun. Se-mentara itu, Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN + China Mengenai Sukan Pertama (AMMS-1 + China) dipengerusikan bersama oleh Menteri Pelancongan dan Sukan, Thailand dan Tuan Yang Terutama Wang Ruilian, Naib Menteri Pentadbiran Am Sukan China.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Zainab binti Haji Morshidi, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan pegawai – pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



BENGKEL PANDUAN PENYEDIAAN SKIM SOALAN DAN JAWAPAN BAGI PENGIKLANAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Safar 1445 / 6 September 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengendalikan Bengkel Panduan Penyediaan Skim Soalan dan Jawapan Bagi Pengiklanan Jawatan-Jawatan Kosong bagi Pegawai-Pegawai di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya selama dua (2) hari bermula pada hari Selasa, 5 September 2023 hingga hari Rabu, 6 September 2023 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Bengkel ini disampaikan oleh Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bahan taklimat tersebut telah disediakan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



MAJLIS PERPISAHAN PROGRAM PERTUKARAN BELIA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK KOREA 2023



JERUDONG, Rabu, 20 Safar 1445 / 6 September 2023 - Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea 2023 telah diadakan selama sepuluh hari bermula pada 29 Ogos hingga 7 September 2023 yang mana seramai 12 peserta dari Republik Korea telah diraikan di Majlis Perpisahan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertempat di Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian dan pergerakan serta kelab belia.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dikepalai oleh Yang Mulia Muhammad 'Arief Zuhairi Chia bin Abdullah Syihab, Alumni Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea, diikuti dengan ucapan daripada Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan selaku Pengerusi Majlis, dan ucapan daripada Yang Mulia Mr. Jonggeun Lee, Penolong Pengarah dari Ministry of Gender, Equality and Family, Republik Korea selaku Ketua Delegasi. Majlis diteruskan dengan pembentangan oleh para peserta belia Republik Korea, disusuli dengan persembahan kebudayaan daripada Delegasi Republik Korea 2023 dan Alumni Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea. Di majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis telah menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata kepada para delegasi.

Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea merupakan salah satu daripada program di bawah perjanjian kerjasama atau Arrangement on Cooperation on Youth Matters yang telah dimeterai diantara kedua buah kerajaan dan telah dipersetujui pada 10 Februari 2010.

Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan tahun ini merupakan kali ke-13 program ini berlangsung di mana rombongan Negara Brunei Darussalam telah membuat pertukaran lawatan ke Republik Korea pada bulan Jun yang lalu.

Program tersebut dianjurkan secara kerjasama oleh Ministry of Gender, Equality and Family, Republik Korea dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam yang bertujuan antara lain untuk menjalin persahabatan dan persefahaman muhibah di kalangan belia-belia kedua buah negara dalam suasana harmoni dan setiakawan melalui interaksi yang sihat selain dapat berkongsi dan bertukar pandangan dan pengalaman berguna dari sudut sosio-ekonomi, sosio politik, adat resam dan kebudayaan termasuk Bahasa.



PAMERAN KEBAYA: PENGETAHUAN, KEMAHIRAN, TRADISI DAN AMALAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-20, KONVENTSYEN MELINDUNGI WARISAN BUDAYA TAK KETARA 2003, UNESCO



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Safar 1445 / 12 September 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Pusat Sejarah Brunei mengadakan Pameran Kebaya: Pengetahuan, Kemahiran, Tradisi dan Amalan pada 26 Safar hingga 5 Rabiulawal 1445 / 12 hingga 21 September 2023 di Galeri 4, Hab Tenaga Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Pameran Kebaya: Pengetahuan, Kemahiran, Tradisi dan Amalan adalah sebagai usaha pembangunan kepada pencalonan Kebaya ke *UNESCO* bagi tahun 2023. Pencalonan ini merupakan kali pertama bagi Negara Negara Brunei Darussalam dalam usaha memelihara serta melindungi warisan negara melalui *UNESCO*. Pencalonan ini juga pencalonan bersama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand ke senarai *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity, UNESCO* pada tahun 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Pameran Kebaya: Pengetahuan, Kemahiran, Tradisi dan Amalan ialah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan / Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan *UNESCO* di Negara Brunei Darussalam.

Pelaksanaan pameran ini juga disempenakan dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Konvensyen Melindungi Warisan budaya Tak Ketara 2003, UNESCO sejak Konvensyen ini diadopsi pada 17 Oktober 2003 dalam Sidang Umum ke-32 UNESCO. Negara-negara ahli disarankan untuk menyambut ulang tahun ke-20 dengan mengadakan pelbagai kegiatan. Dalam erti kata bahawa sambutan ini merupakan kesempatan Negara Brunei Darussalam sebagai ahli kepada Konvensyen Melihara Warisan Budaya Tak Ketara (*Intangible*) 2003 untuk sama-sama meraikan akan kepentingan warisan hidup ialah milik bersama.

Tema Sambutan Ulang Tahun ke-20 Konvensyen 2003, UNESCO ini ialah "We Are #LivingHeritage" (Kita #WarisanHidup") dan juga digunakan dalam kempen media sosial UNESCO. Warisan hidup yang dimaksudkan adalah tentang manusia, daya tahan dan pengetahuan yang diwariskan dari generasi ke generasi.

Pameran ini melibatkan 4 agensi, iaitu: Bank Islam Brunei Darussalam dan Royal Brunei Airlines mempamerkan pakaian seragam (kebaya), manakala Fashion Designers Alliance (persatuan pereka fesyen Negara Brunei Darussalam) mempamerkan koleksi rekaan kebaya. Fashion Designers Alliance adalah sebagai penerus generasi pereka fesyen dan jahitan yang terdiri daripada anak tempatan dan diwakili oleh Naforrer dan LITTLE DAYANG. Lamin Warisan juga turut menyumbangkan baju kebaya lama untuk dipamerkan.

Antara matlamat pameran ini diadakan adalah untuk:

- Memberikan impak dan semangat serta kesedaran kepada masyarakat, khususnya belia dan generasi muda akan kepentingan menjaga warisan budaya tak ketara Negara Brunei Darussalam;





- b) Memberikan ilmiah dan pengetahuan serta kefahaman yang lebih mendalam mengenai warisan budaya tak ketara kepada masyarakat agar dapat menjadi modal insan yang lebih berpendidikan dan berbudaya;
- c) Menekankan kepada masyarakat akan kepentingan warisan budaya tak ketara untuk sentiasa dijaga dan dipelihara selagi tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam;
- d) Mengambil peluang untuk berinteraksi dan mendekati secara tidak langsung kepada masyarakat, khususnya penggiat, pengamal atau pewaris warisan budaya tak ketara; dan
- e) Mengembangkan, mempromosikan dan membarigakan Konvensyen Memelihara Warisan Budaya Tak Ketara 2003, UNESCO kepada masyarakat.

Pameran dan sambutan ini akan memuatkan aktiviti-aktiviti:

- a) Pengenalan kepada UNESCO termasuk sejarah ringkas Negara Brunei Darussalam meratifikasi Konvensyen 2003, pelaksanaan dan pencapaian; penubuhan Jawatankuasa Warisan Kebangsaan dan Pelancaran Daftar Warisan Brunei;
- b) Pencalonan Bersama (Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) Kebaya ke UNESCO;
- c) Pameran jenis-jenis kebaya serta penceritaannya termasuk pameran daripada rakan-rakan strategik: Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines), Bank Islam Brunei Darussalam, Fashion Designers Alliance dan Lamin Warisan;
- d) Pelancaran Daftar Kebangsaan Warisan Budaya Tak Ketara Negara Brunei Darussalam. Inventori atau daftar adalah penting untuk melindungi warisan budaya tak ketara sekali gus meningkatkan kesedaran dan kepentingannya terhadap identiti individu dan kolektif. Daftar ini nanti boleh diakses oleh orang ramai.

Turut hadir ialah Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, jemputan-jemputan khas serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BENGKEL ADAT ISTIADAT BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Safar 1445 / 13 September 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Adat Istiadat Negara telah mengendalikan Bengkel Adat Istiadat bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya (Sesi Pertama) selama dua hari, iaitu pada hari Selasa dan Rabu, 12 & 13 September 2023 di Dewan Teater, Tingkat 2, Bahagian Pemberigaan, Jabatan Adat Istiadat Negara.

Bengkel ini antaralainnya akan memberikan pendedahan dan tunjuk ajar serta tatacara yang betul dalam menggunakan Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam), memberikan tunjuk ajar serta pengetahuan dalam membuat persediaan Susunan Kedudukan dan Protokol apabila mengendalikan majlis-majlis rasmi, terutama yang melibatkan keberangkatan Kerabat Diraja dan juga dalam penyediaan persuratan rasmi dan sebagainya.



MESYUARAT MENTERI-MENTERI BELIA KOMANWEL KE-10 (10CYMM) MARLBOROUGH HOUSE, LONDON



LONDON, UNITED KINGDOM, Jumaat, 29 Safar 1445 / 15 September 2023 -

Mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel Ke-10 (10CYMM) dan Mesyuarat Pemimpin Belia Komanwel, bertemakan '*Aiming Higher: Delivering More for Young People in the Commonwealth*' telah berlangsung pada 11 hingga 15 September 2023 di London, United Kingdom. Hadir ke Mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Menteri-Menteri Komanwel yang bertanggungjawab bagi pembangunan belia dan Perwakilan Peringkat Tinggi. Turut hadir ialah The Rt. Hon Patricia Scotland KC, Setiausaha Agung Komanwel.

Mesyuarat (10CYMM) telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Jalil Abbas Jilani, Menteri Luar Kerajaan Pakistan. Mesyuarat 10CYMM memberi peluang kepada para Menteri dan pihak berkepentingan untuk menyemak agenda dasar dan keutamaan yang dipersetujui oleh Ketua Kerajaan semasa Mesyuarat di Rwanda pada Jun 2022, untuk membincangkan isu pembangunan belia, cabaran dan peluang dengan mengambil kira kesan pandemik COVID-19 dan dasar belia di seluruh negara ahli Komanwel serta untuk bersetuju dengan rangka tindakan dan inisiatif yang diselaraskan bagi menetapkan semula agenda pembangunan belia dengan mengambil peluang tahun 2023 sebagai '*Commonwealth Year of Youth*'.

Semasa Mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berkongsi pengalaman dan amalan Negara Brunei Darussalam dalam memperkuuhkan serta memperkasa golongan belia dan memastikan suara belia turut diambil kira di peringkat Kebangsaan.

Antara lain, Yang Berhormat Dato menekankan bahawa penglibatan belia dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai platform seperti Kajiselidik Belia Kebangsaan, Dialog Belia, Dialog Awam Belia dan Kongres Belia Kebangsaan yang membolehkan dan menggalakkan dialog di antara penggubal dasar dan belia mengenai isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal belia. Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dan kerja kemasyarakatan juga diberikan kepentingan yang sama dalam memupuk pertumbuhan peribadi dan membina komuniti yang lebih kukuh, lebih inklusif dan bertanggungjawab dari segi sosial, sebagai contoh semasa wabak COVID-19 yang melanda baru-baru ini di mana belia di Negara Brunei Darussalam telah tampil kehadapan dalam membantu dan memberikan sokongan kepada pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menyelesaikan pelbagai cabaran semasa pandemik.

Semasa mesyuarat tersebut, Para Menteri Komanwel yang bertanggungjawab ke atas belia mengeluarkan Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat Menteri Belia Komanwel Ke-10 dan ber-setuju mengenai penubuhan '*Marlborough House Commitment*' bagi pembangunan belia. Yang Berhormat Dato Menteri juga menyertai Negara Anggota Komanwel yang lain dan wakil peringkat tertinggi, dalam menghadiri Program Ulang Tahun Ke-50 Belia Komanwel dan Majlis Anugerah Belia Komanwel di Istana St James dan turut berangkat ke Majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Putera Edward, *Duke of Edinburgh*.

Mengiringi Yang Berhormat Dato ialah Yang Mulia Zainab binti Haji Morshidi, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dan dua delegasi belia negara yang telah dilantik selaku *Commonwealth Youth Council* bagi Negara Brunei Darussalam.



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA



BERAKAS, Sabtu, 30 Safar 1445 / 16 September 2023 - Satu majlis penyerahan bantuan kewangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kepada **5 orang ketua keluarga** yang terlibat dalam kejadian kebakaran, angin kencang dan rumah roboh telah diadakan hari ini. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan bantuan kewangan tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan).

Seorang (1) ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Daerah Tutong daripada Kampong Layong, Daerah Tutong. Dua buah (2) keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh daripada Kampong Saba Tengah dan Kampong Setia B, Daerah Brunei dan Muara dan dua buah (2) keluarga mangsa kejadian angin kencang yang menetap di Kampong Batu Marang dan Kampong Bakut Pengiran SiRaja Muda juga menerima sumbangan.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian-kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa berkenaan, pihak kerajaan telah menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka yang terlibat demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

MAJLIS BERDIKIR DI MASJID-MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU'ALAIHI WASALLAM BAGI TAHUN 1445 / 2023



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

telah menghadiri Majlis Dikir di Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallalahu'Alaihi Wasallam bagi tahun 1445 / 2023.

Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam yang dihadiri oleh warga KKBS ialah:

- a. Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampong Mulaut
- b. Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong
- c. Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam
- d. Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut
- e. Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas

Aturcara majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah dan disusuli dengan bacaan Surah Al -Fatihah bagi memulakan dikir maulud yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan Dikir Assalamualaika , Dikir Khairuman dan Dikir Badat.

Majlis kemudian diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah, seterusnya diikuti dengan Dikir Marhaban beramai-ramai.

Majlis diakhiri dengan Doa Dikir dan Bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan diakhiri dengan Doa Menghindari Wabak Covid-19.

Turut hadir ialah, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Pengiran Haji Mohammed Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya.

HUB TENAGA BRUNEI DERMAGA DIRAJA MENERIMA LAWATAN ISTERI-ISTERI PEMBESAR NEGARA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Rabiulawal 1445 / 20 September 2023—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima serombongan pelawat terdiri daripada kumpulan isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap ke Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Lawatan merupakan salah satu aktiviti tahunan kumpulan tersebut adalah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan mengeratkan silaturahim di kalangan ahli disamping bertujuan bag mengetahui akan sejarah minyak dan gas di negara ini dan juga melawat ke Pameran Kebaya yang diadakan sehingga 22 Oktober 2023.

Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Yang Mlia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN ASIA KE-19 2022, HANGZHOU, CHINA



BERAKAS, Rabu, 4 Rabiulawal 1445 /20 September 2023 – Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Asia Ke-19 2022 yang akan diadakan secara rasminya bermula pada 23 September hingga 8 Oktober 2023 di Hangzhou, China.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 21 orang terdiri daripada 11 orang atlet dan 10 orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Perhubungan, Doktor, Ahli Fisioterapi dan Jurulatih.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Asia Ke-19 2022, Hangzhou, China telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berangkat bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Asia Ke-19 2022, Hangzhou, China ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat dan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Kemuncak majlis ialah sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Asia Ke-19 2022, Hangzhou, China. Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai.

Turut hadir dimajlis berkenaan ialah Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China Ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS; Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS; ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan; serta para ibu-bapa dan pengjaga.

Pada Sukan Asia Ke-19 2022 kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak tiga acara sukan yang dipertandingkan iaitu Karate, Angkat Berat dan Wushu.

Sukan Asia merupakan kejohanan pelbagai sukan benua dikalangan atlet dari seluruh Asia yang diadakan setiap empat tahun. Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Olympic Council of Asia (OCA) dan ianya digambarkan sebagai acara pelbagai sukan kedua terbesar selepas Sukan Olimpik.

Kali terakhir negara menyertai Sukan Asia Ke-18 ialah pada tahun 2018 di Jakarta dan Palembang.

**UPACARA SELAMAT BELAYAR
KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE SUKAN ASIA KE-19 2022, HANGZHOU, CHINA**



BERAKAS, Khamis, 5 Rabiulawal 1445/21 September 2023 – Seramai 9 orang ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Chef de Mission, Pegawai Perhubungan, Ahli Fisioterapi, Jurulatih dan 5 orang atlet sukan Wushu telah berlepas ke Hangzhou, China bagi menyertai kejohanan Sukan Asia Ke-19 2022, yang akan berlangsung pada 23 September hingga 8 Oktober 2023.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan nasihat serta kata-kata semangat ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir sama ialah pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Chef de Mission, Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan. Edisi Sukan Asia kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak tiga acara sukan yang dipertandingkan iaitu Angkat Berat, Karate dan Wushu.

**KUNJUNG HORMAT PERWAKILAN NEGARA
PESURUHJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE REPUBLIK ISLAM PAKISTAN
DAN
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAOS**



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Rabiulawal 1445 / 21 September 2023 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama, Kolonel (B) Pengiran Haji Kamal Bashah bin Pengiran Haji Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan dan Tuan Yang Terutama, Haji Roslan bin Yacub, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Laos.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



18TH MEETING OF THE CONSULTATIVE COUNCIL FOR CULTURAL DEVELOPMENT IN THE ISLAMIC WORLD



DOHA, QATAR, Sabtu, 7 Rabiulawal 1445/23 September 2023 – Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan beberapa orang pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri 18th Meeting of the Consultative Council for Cultural Development in the Islamic World.

DIALOG AWAM BELIA (YOUTH TOWN HALL): EDISI KE-7 BERTEMAKAN, 'TRANSFORMING BRUNEI THROUGTECHNOLOGY: ACCELERATING GROWTH, BRIDGING THE GAPS'



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Rabiulawal / 23 September 2023 - Lebih 350 belia menghadiri Edisi ke-7 Dialog Awam Belia (Youth Town Hall) di Jabatan Perdana Menteri anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Golongan Rangkaian Profesional Muda (YPN) Brunei dan disokong oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dialog Awam Belia (Youth Town Hall) adalah platform yang ditubuhkan pada tahun 2020, bersempena dengan Hari Belia Antarabangsa untuk menerapkan pemikiran penyelesaian yang didorong oleh pemikiran ke hadapan dan komuniti belia yang kolaboratif bersemangat untuk menyumbang kepada pembangunan negara kita dengan memberi peluang kepada belia untuk berinteraksi bersama Menteri dan pegawai kanan. Edisi ke-7 bertemakan, 'Transforming Brunei throughTechnology: Accelerating Growth, Bridging the Gaps' menyaksikan dialog dengan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary Bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dikendalikan oleh Dr. Muhammad Nuriskandar bin Mohd Hasnan, Penolong Ketua Pegawai (Belia), Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tugas untuk mengubah Negara Brunei Darussalam menjadi ekosistem yang kondusif secara digital bergantung kepada kemampuan kita untuk melaksanakan inisiatif, membangunkan dasar dan infrastruktur, memperuntukkan sumber dan menyelaras dengan berkesan dengan pihak berkepentingan utama ke arah matlamat. Peranan belia sebagai pemacu kepada masyarakat digital dan bersedia masa depan memainkan peranan penting dalam membentuk Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara pintar dengan ekonomi yang cergas. Mempercepatkan pertumbuhan digital negara memerlukan merapatkan jurang yang menghalang kemajuan termasuk celik huruf, keselamatan siber, infrastruktur yang teguh dan rangka kerja kawal selia.



Dialog Awam Belia (Youth Town Hall) edisi ke-7 dimulakan dengan perbincangan mengenai keutamaan strategik MTIC di mana Yang Berhormat Pengiran Dato berkongsi 6 objektif strategik utama dalam Strategik MTIC 2025. Rancang di mana antara keutamaan termasuk memacu transformasi digital, memastikan Kemampunan Pengangkutan dan Sektor Infokomunikasi dan transformasi organisasi antara lain.



Sejumlah pertanyaan dan pandangan diterima daripada peserta termasuk keselamatan siber, pembangunan modal insan dan kemajuan pelaksanaan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Mengenai keselamatan siber, Yang Berhormat Pengiran Dato menjawab keperluan untuk kita mewujudkan satu standard dan bergerak lebih pantas dalam menangkap sehingga indeks global yang memerlukan kerjasama dengan negara lain. Mengenai pembangunan modal insan, Yang Berhormat Pengiran Dato menekankan peluang khusus untuk pekerjaan yang berkaitan dengan keselamatan siber, sektor infrastruktur dan komunikasi. Mengenai Pelan Induk Ekonomi Digital, Yang Berhormat Pengiran Dato berkongsi bahawa inisiatif tertumpu kepada usaha penyatuan termasuk memaksimumkan aset penggunaan, pendigitalan perkhidmatan kerajaan, menangani cabaran berkaitan iklim dalam sektor pengangkutan antara lain. Keterangkuman teknologi untuk golongan kurang upaya dan kurang komuniti istimewa turut dibangkitkan oleh beberapa peserta di mana Yang Berhormat Pengiran Dato bersetuju bahawa lebih banyak perhatian harus diberikan untuk memastikan tiada siapa yang ketinggalan dalam langkah Brunei ke arah itu menjadi digital. Masa depan pembayaran tanpa tunai turut dibincangkan di mana Yang Berhormat Pengiran Dato menyatakan ini sebagai langkah ke hadapan lebih banyak kerja perlu dilakukan dalam memastikan ia inklusif.



"Kami menjangkakan Dialog Awam Belia (Youth Town Hall) edisi ke-7 mempunyai perbincangan dua hala yang berkualiti antara kami penceramah dan hadirin, dan Alhamdulillah, perbincangan kami sangat baik. Yang Berhormat Pengiran Dato merangkumi pelbagai topik daripada pelan strategik MTIC kepada inklusif pertumbuhan masyarakat yang berbeza seperti penduduk tua dan orang berkeperluan khas. Dia juga merangkumi bagaimana pendigitalan tidak hanya terhad kepada hanya mengubah kerja manual biasa prosedur untuk didigitalkan dengan proses kerja yang sama, tetapi sebaliknya transformasi harus membenarkan kedua-dua organisasi serta pengguna akhir kurang beban kerja berbanding dengan cara tradisional pendekatan." Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad, Ketua Projek Dewan Perbandaran Belia & Pasukan Teras, Barisan Profesional Muda BN.



MAJLIS PENUTUPAN DAN PENGHARGAAN BAGI PROGRAM FIT & ACTIVE LIFESTYLE CLUB (FALC) MUSIM 1, KOHORT 2



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Rabiulawal 1445 / 23 September 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan dan Alam Sekitar (HSSE) dengan kolaborasi bersama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Penutupan dan Penghargaan bagi program Fit & Active Lifestyle Club (FALC) musim 1 kohort 2 di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan ucapan aluan oleh Yang Mulia Dr Bibina Tuty Umaira binti Haji Abdul Hamid, Pegawai Perubatan selaku Pengurus Program Fit & Active Lifestyle Club (FALC). Seterusnya, tayangan video montaj yang telah disediakan oleh pihak Pusat Promosi Kesihatan (HPC). Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil-sijil serta trofi kepada pemenang-pemenang FALC musim 1 kohort 2.

Pemenang Tempat Kedua: Dayang Rabi'atul Adawiyah binti Damit yang telah berjaya membuat pengurangan berat badan sebanyak 6.2 kg (5.6%).

Pemenang Tempat Pertama: Dayang Normah binti Haji Mohamed yang telah berjaya membuat pengurangan berat badan sebanyak 6.4 kg (6.7%).

Pemenang BEST OF THE BEST: Dayang Rabi'atul Adawiyah binti Damit yang telah berjaya mengurangkan berat badan sebanyak 8.5 kg (7.7%).

Majlis diakhiri dengan penyampaian trofi penghargaan kepada Tetamu Kehormat Majlis Yang Mulia Dr Hj Muhammad Hadi bin Muhammad Melayung yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar selaku Pengerusi Majlis. Seterusnya sesi bergambar ramai bagi peserta-peserta FALC yang hadir dengan Tetamu Kehormat, Pengerusi Majlis, Pengurus FALC, Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya. Turut sama hadir adalah Pegawai dan Kakitangan daripada Pusat Promosi Kesihatan (HPC).

**KUNJUNGAN HORMAT
YANG AMAT MULIA PENGIRAN MUDA ABDUL MU'MIN IBNI
DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI
PENGIRAN PERDANA WAZIR SAHIBBUL HIMMAH WAL-WAQAR
PENGIRAN MUDA MOHAMED BOLKIAH,
YANG DI PERTUA PERSEKUTUAN OLAHRAGA BRUNEI DARUSSALAM**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu,
07 Rabiulawal 1445 / 23hb Septem-
ber 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min Ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibbul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Di Pertua Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam.



Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SUKAN ASIA KE-19, HANGZHOU, REPUBLIK RAKYAT CHINA



HANGZHOU, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Ahad, 8 Rabiulawal / 24 September 2023 –
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisluara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Hangzhou, Republik Rakyat China bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Ke-19, yang telah berlangsung semalam iaitu pada hari Sabtu, 23 September 2023 bertempat di Hangzhou Olympic Sports Center Stadium. Turut hadir adalah Tuan yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China.

Pada hari yang sama, Duli Yang Teramat Mulia juga telah berangkat ke Yiyuan Banquet Hall, Xizi Hotel, Hangzhou bagi menghadiri Majlis Makan Tengahari yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Presiden Republik Rakyat China dan Madam Peng Liyuan

**KUNJUNGAN HORMAT
YANG MULIA DAYANG NUR JUDY BINTI ABDULAH,
PESURUHJAYA HAL EH WAL WANITA, ASEAN COMMISSION ON THE
PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND
CHILDREN (ACWC), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Rabiulawal 1445 / 25hb September 2023 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Kunjungan Hormat Yang Mulia Dayang Nur Judy binti Abdulah, Pesuruhjaya Hal Ehwal Wanita bagi ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC), Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

12TH CONFERENCE OF CULTURE MINISTERS IN THE ISLAMIC WORLD



12TH CONFERENCE OF CULTURE MINISTERS IN THE ISLAMIC WORLD

Pada 25-26 September 2023 di Doha, Qatar

DOHA, QATAR, Sabtu, 9-10 Rabiulawal 1445/25-26 September 2023 – Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan beberapa orang pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri 12th Conference of Culture Ministers in the Islamic World.



**UPACARA SELAMAT BELAYAR
KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE SUKAN ASIA KE-19 2022, HANGZHOU, CHINA**



BERAKAS, Selasa, 10 Rabiulawal 1445 /26 September 2023 – Seorang Jurulatih, Awang Muhammad Hadi Dinie bin Abdul Rahman dan seorang atlet sukan Angkat Berat, Dayang Jurulena binti Juna telah berlepas ke Hangzhou, China bagi menyertai kejohanan Sukan Asia Ke-19 2022, yang berlangsung pada 23 September hingga 8 Oktober 2023.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan nasihat serta kata-kata semangat ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Edisi Sukan Asia kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak tiga acara sukan yang dipertandingkan iaitu Angkat Berat, Karate dan Wushu.

SIDANG KEMUNCAK GALAKAN BUDAYA MEMBACA



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Rabiulawal

1445/26 September 2023 – Dalam usaha membangunkan masyarakat membaca, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengungkayahkan Sidang Kemuncak Galakan Budaya Membaca 2023 pada pagi ini bertempat di Balai Sarmayuda, DBP Berakas. Sidang Kemuncak turut diadakan melalui penstriman langsung ke media sosial Facebook dan YouTube Perpustakaan DBP yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin, Pemangku Timbalan Pengarah DBP.



Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pembentangan ucaptama disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Mohammad Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammad Yunos, Profesor Adjung Universiti Brunei Darussalam dengan tajuk "Membaca Memelihara Maqasid Syariah". Dalam ucaptama beliau menyentuh mengenai membaca sebagai terapi (biblioterapi) yang banyak memberikan impak positif kepada minda pembacanya; dengan mengajar kemahiran baharu, membawa mereka ke dunia yang berbeza, malah menyediakan alat yang berguna kepada ahli terapi untuk digunakan bersama pesakit.



Sidang Kemuncak diakhiri dengan ucapan pembentangan resolusi yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Norhasinah binti Haji Moksin, Ketua Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku Ketua Pelapor (Rapporteur). Seterusnya, penyerahan resolusi oleh Ketua Pelapor kepada Tetamu Kehormat Majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

PROGRAM BICARA INSPIRASI (BISAI): INTEGRITI RASULULLAH S.A.W KONSEP DAN AMALANNYA DALAM PEKERJAAN




BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Rabiulawal 1445 / 27 September 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan sesi Program Bicara Inspirasi (BiSAI) Tahun 2023 bagi warga Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Program BiSAI kali ini membawakan Forum bertajuk 'Integriti Rasulullah S.A.W Konsep dan Amalannya Dalam Pekerjaan', merupakan sesi yang keenam (6) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2022. Forum ini telah berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kementerian ini telah menjemput seorang ahli panel jemputan iaitu Yang Mulia Ustaz Awang Haji Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, Ketua Pejabat Hal Ehwal Alumni, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Forum ini, menghuraikan nilai-nilai integriti yang terdapat dalam diri Rasulluah S.A.W dan keperibadian baginda yang boleh dijadikan penanda aras dalam pembudayaan integriti bagi Perkhidmatan Awam. Forum ini juga menekankan mengenai kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu, organisasi serta juga integriti yang berkaitan dengan etika dalam tindakan sehari-hari.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif Pelan Tindakan Strategi Sumber Tenaga Manusia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI), iaitu program yang diisi dengan ceramah keagamaan dan ceramah motivasi yang dihasratkan dapat meningkatkan semangat bekerja dalam kalangan pegawai dan kakitangan. Program ini juga usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menjadikan kementerian ini sebagai sebuah Organisasi Pembelajaran (Learning Organisation).

UPACARA MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI SUKAN ASIA KE-19 2022, HANGZHOU, CHINA



BERAKAS, Jumaat, 13 Rabiulawal 1444/29 September 2023– Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Pasukan Wushu telah kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Sukan Asia (Asian Games 2023) Ke-19 di Hangzhou, China.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir sama ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) dan Yang Mulia Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pasukan Wushu Negara berjaya menyumbang 1 pingat perak melalui Yang Mulia Basma Lachkar bagi acara Taijiquan & Taijijian Wanita dengan kutipan markah iaitu 19.502 mata.

MAJLIS TAMAT KURSUS BAGI PENGAMBILAN KE-2 PROGRAM "EMPLOYABILITY" DAN PELANCARAN SERTA PENANDATANGANAN BAGI PROGRAM "EMPLOYABILITY ENABLED"



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Rabiulawal 1445 / 30 September 2023 – Majlis Tamat Kursus bagi Pengambilan Ke-2 Program "Employability" dan Pelancaran serta Penandatanganan bagi Program "Employability Enabled" telah diadakan pada 30 September 2023 bertempat di Tarindak D'Seni.

EmployAbility dicetuskan dan disokong oleh Yang Mulia Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, Brunei LNG MD dan CEO sebagai satu inisiatif program Investasi Sosial. Ia dilancarkan secara rasmi pada 5 Februari tahun lalu sempena Pengambilan Pertama, diikuti dengan Pengambilan Ke-2 pada 18 Jun 2022.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku wakil Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Hajah Farida memberikan ucapan alu-aluan, di mana beliau menekankan matlamat EmployAbility untuk meningkatkan pekerjaan serta membina keupayaan, kemahiran dan kecekapan tenaga kerja tempatan Brunei melalui pembinaan keupayaan.

Beliau juga membincangkan tentang EmployAbility Enabled, sebuah program di mana Brunei LNG ingin memberi peluang kepada orang-orang bekeperluan khas untuk mendapatkan pengalaman kerja dan peningkatan kemahiran. Melalui program ini, Brunei LNG bertujuan untuk mempromosikan inklusiviti dalam kalangan masyarakat di mana orang-orang bekeperluan khas diiktiraf atas bakat dan pencapaian mereka.

Ucapan alu-aluan juga turut disampaikan oleh Tetamu Kehormat iaitu Yang Mulia Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

JAPAKU Semb, Brunei Arts and Handicraft Training Centre
Saturday, 30 September 2023



Acara diteruskan dengan persembahan video mengenai EmployAbility, di ikuti dengan penyampaian sijil kepada graduan. Brunei LNG menandatangani kontrak dengan dua rakan kongsi iaitu SMARTER Brunei dan UNIKLEARN oleh An-Nur Harapan, serta tiga orang bekeperluan khas sebagai perantis dalam program EmployAbility Enabled.



EmployAbility dicipta sebagai inisiatif untuk meningkatkan pekerjaan serta memperkasakan keupayaan, kemahiran dan kecekapan tenaga kerja tempatan Brunei melalui pembinaan keupayaan. Brunei LNG melalui EmployAbility akan berkerjasama dengan H.I.R.E.D, MPEC, MISC, JobCentre Brunei dan pihak berkepentingan lain untuk membentuk tenaga kerja tempatan Brunei yang berkemampuan.

Dalam rangka inisiatif EmployAbility, inisiatif pertama adalah Local Personnel Agreement (LPA) yang telah ditandatangani pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama bersama Manpower Industry Steering Committee (MISC). LPA merupakan perjanjian antara Brunei LNG dan 4 Rakan Perniagaannya, iaitu Adinin Works and Engineering, Tendrill International, Zainal Daud dan ExcelTech Solutions.

Inisiatif kedua di bawah EmployAbility ialah Pilot Apprenticeship Programme, di mana individu yang berkelayakan dari empat rakan perniagaan akan menjalani latihan, yang di taja sepenuhnya oleh Brunei LNG di Registered Training Organisation (RTO) selama 3 bulan, di ikuti dengan latihan on-the-job (OTJ) selama 4 bulan.



Latihan dalam perkhidmatan ini menggunakan program Lifelong Learning Centre (L3C) di bawah MISC for Energy – progam iSkill dengan kerjasama bersama Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE) sebagai organisasi pemberi anugerah untuk program ini.



Sasaran tenaga kerja untuk EmployAbility adalah pelajar, graduan baharu sekolah atau universiti yang mencari pekerjaan dan mereka yang sudah bekerja tetapi ingin meningkatkan kemahiran dan memperoleh kemahiran yang baru.



کمترین کیوڈا میان بلیادان سوکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مَدْحُودٌ مَّلِكٌ
مَدْحُودٌ مَّلِكٌ

Salam Maulidur Rasul

تیما: سنة دحیاتی، هیدوف در کنی

12 Rabiulawal 1445H | 28 September 2023M



 www.kkbs.gov.bn



kkbs_brunei



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

E-POSTER

SALAM MAULIDUR RASUL

12 RABIULAWAL 1445 / 28 SEPTEMBER 2023



Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan